

13 DEC 1997

Mahathir-Dialog

PARA PEMIMPIN ASEAN AKAN BERI TUMPUAN KEPADA MASALAH EKONOMI SEKARANG

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan keyakinan bahawa Asean akan menjadi entiti ekonomi yang paling kuat di dunia di masa depan tetapi buat masa sekarang ia perlu memberi tumpuan kepada masalah yang dihadapi akibat kejatuhan nilai matawang dan pasaran saham.

Merujuk kepada Sidang Kemuncak Tidak Formal Asean Kedua yang bermula di sini Isnin ini beliau berkata "mesyuarat para pemimpin itu sudah tentu akan membincangkan masa depan tetapi saya khuatir agak sukar untuk memberi tumpuan kepada masa depan apabila masa sekarang sungguh menyakitkan".

Dr Mahathir berkata demikian pada satu sesi dialog selepas merasmikan forum "Private Sector Salute to Asean (Penghormatan Sektor Swasta kepada Asean)" yang diadakan sempena dengan sidang kemuncak itu di sini.

Perdana Menteri berkata Asean memiliki apa yang diperlukan untuk berjaya termasuk keamanan serantau, kerjasama erat antara negara-negara anggota dan kesediaan untuk berbincang antara satu sama lain untuk menyelesaikan perbezaan.

"Peluang Asean untuk menjadi rantau paling dinamik baik sekali dan saya berharap dalam masa 10 tahun ini menjadi kenyataan," katanya.

Mengenai cadangannya supaya dasar "Beli Asean" digalakkan sebagai satu cara untuk pulih daripada kegersangan ekonomi serantau, Dr Mahathir berkata beliau tidak nampak apa salahnya mencadangkan idea itu kepada rakan-rakan Aseannya semasa sidang kemuncak itu. Beliau telah membangkitkan perkara itu pada ucapannya ketika merasmikan forum itu.

Apabila ditanya sama ada Malaysia akan terus menolak bantuan dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat memastikannya.

"Kerana sekiranya kita kata tidak, ia mungkin menimbul kemarahan dan akibatnya mungkin kita terpaksa melutut untuk meminta pertolongan," katanya.

Walaupun disoal berulang kali oleh hadirin, Perdana Menteri enggan menyatakan siapa sebenarnya bertanggungjawab dengan krisis ekonomi rantau ini.

Katanya "Saya tidak dibenarkan menyalahkan sesiapa kecuali diri kita sendiri. Ada perkara-perkataan tertentu yang anda tidak boleh cakap".

Dr Mahathir berkata kecuali punca masalah-masalah itu dikenal pasti dan diperbetulkan, apa-apa cadangan untuk menyelesaikannya tidak akan berkesan.

Beliau juga berkata Malaysia akan terus menerima pelaburan asing yang tulen.

"Kami masih menerima mereka yang datang ke sini untuk menjalankan perniagaan jangka panjang yang serius," katanya. -- BERNAMA

MAM/AD WAT